



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN DAN YAYASAN LTAT JALIN KERJASAMA UNTUK MANFAAT WARGA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan kerjasama Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Yayasan LTAT) pada hari ini telah melaksanakan Program Kasih Prihatin Warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Negeri Sembilan bagi membantu meringankan beban golongan yang memerlukan di samping menggalakkan penabungan bagi tujuan pendidikan.
2. Majlis penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN bertempat di Sekolah Kebangsaan Sungala, Kem Sungala, Port Dickson, Negeri Sembilan. Turut hadir YBhg. Brig Jeneral Dato' Mohamad Noorlizam Shamsuddin, Pemangku Panglima 3 Divisyen, YBhg. Dato' Dr. Mohd Nizar Haji Sudin, Ketua Eksekutif Yayasan LTAT, YB Datuk Mohd Faizal Ramli, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Warisan, Adat Istiadat Melayu, Teknologi, Inovasi dan Digital, YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, YBrs. Encik Md Izzudin Mohd Shah, Guru Besar SK. Sungala dan Puan Yushanaliza Hamdan, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Sembilan.
3. Melalui program ini, PTPTN memberikan sumbangan zakat PTPTN berjumlah RM33,500 dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime dan kotak makanan berupa barangan keperluan harian. Seramai 250 orang pelajar melibatkan tiga (3) buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Kem Syed Sirajuddin, Sekolah Kebangsaan Si Rusa dan Sekolah Kebangsaan Sungala menerima RM100.00 bagi setiap pelajar dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime. Pihak Yayasan LTAT juga memberikan sumbangan akaun Simpan SSPN Prime sebanyak RM50.00 kepada pelajar yang sama menjadikan jumlah keseluruhan yang diterima oleh setiap pelajar ialah RM150.00. Pada majlis yang sama, PTPTN turut memberikan sumbangan kotak makanan kepada 80 orang penerima asnaf daripada anggota ATM dan 5 orang penerima asnaf daripada warga veteran ATM.

4. Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, “Program seumpama ini sudah tentu akan memberi manfaat kepada warga dan veteran ATM dalam membantu meringankan beban kewangan sekali gus membudayakan amalan penabungan melalui Simpan SSPN.”
5. “PTPTN akan terus komited melaksanakan program-program CSR terutamanya dalam aspek pendidikan demi pembangunan anak bangsa selari dengan moto PTPTN, Peluang Kejayaan Anda dan *tagline* PTPTN Prihatin : Kami Kongsi, Kami Bantu,” tambah beliau lagi.
6. Terdahulu Yayasan LTAT telah memberikan sumbangan kepada anak-anak warga ATM dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime. Ia melibatkan seramai 65 pelajar lepasan SPM dengan sumbangan sebanyak RM1,000 setiap seorang yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). Selain itu, Yayasan LTAT turut memberikan sumbangan kepada 275 orang anak-anak warga ATM yang cemerlang dalam SPM 2022 sebanyak RM1,500 setiap seorang. Sumbangan ini melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM477,500.
7. PTPTN telah mewujudkan instrumen simpanan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) sebagai platform terbaik untuk menggalakkan masyarakat membuat perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan tinggi. Simpan SSPN menyediakan pelbagai keistimewaan untuk manfaat seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, dividen yang kompetitif, Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak, patuh syariah dan dijamin kerajaan.
8. Diharapkan melalui sumbangan dan kerjasama antara PTPTN dan Yayasan LTAT yang ini dapat membantu meringankan beban hidup golongan yang memerlukan, meningkatkan motivasi anak-anak untuk terus mencipta kejayaan dalam akademik dan sahsiah sekali gus menjadi modal insan berguna kepada agama, bangsa dan negara.